

18 DEC 1999

Mahathir-kerjasama

KERJASAMA PUSAT-NEGERI MESTI DUA HALA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan pusat bersedia menjalin kerjasama dengan kerajaan negeri Terengganu dan Kelantan pimpinan Pas asalkan kerjasama itu bukan "sebelah tangan".

"Kita alu-alukan kerjasama dan sememangnya kita mahukan kerjasama tapi ia (kerjasama) itu mestilah dua hala dan bukan sebelah tangan ... sebelah tangan ini payah sikit," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pra-Majlis untuk anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara Barisan Nasional (BN) di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Ditanya apa yang dimaksudkan kerjasama dua hala dan bukan sebelah tangan, Dr Mahathir berkata: "dia tak mahu dengar langsung apa kita suruh buat ... mesti ada dua hala barulah bermakna kerjasama itu. Kalau kerjasama bermakna ambil arahan sahaja itu bukan makna kerjasama."

Beliau berkata demikian apabila ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Terengganu, Haji Abdul Hadi Awang dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mahu menjalin hubungan dengan kerajaan pusat.

Mengenai permintaan Abdul hadi supaya projek Lebuhraya Pantai Timur diteruskan, Dr Mahathir berkata projek itu terutamanya yang melibatkan bahagian dari Terengganu ke Karak di Pahang akan dilaksanakan sekiranya kerajaan Pas Terengganu bersetuju membenarkan tol dikutip di laluan berkenaan.

Katanya, sekiranya kerajaan negeri Terengganu enggan kutipan tol dilaksanakan, ia boleh membiayai keseluruhan projek yang melibatkan bahagian berkenaan atau membiayai pembayaran tol untuk rakyatnya yang menggunakan lebuhraya itu.

"Kalau dia (kerajaan negeri Terengganu) tidak mahukan tol maka projek itu terpaksa dimansuhkan (bahagian Terengganu ke Pahang)," katanya.

"Kita nak tahu sama ada dia setuju atau tidak kita kutip tol sebab projek ini akan diusahakan secara penswastaan. Untuk menarik swasta melabur tanpa pulangan, tak mungkin dapat dilaksanakan," katanya.

Projek lebuhraya sejauh 338km itu membabitkan kos RM2.8 bilion dan ia menghubungkan Kuala Lumpur menerusi Karak ke Jabor di Terengganu dan dari Jabor ke Chendering di Kuala Terengganu.

Bekas menteri besar Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad merasmikan pecah tanah projek itu bulan lepas.

"Kalau nak jadi juga, dia (kerajaan Pas Terengganu) kena bayar. Dia banyak duit dan saya dapati dia akan memperolehi lebih RM600 juta royalti petroleum sebab harga bahan itu naik," katanya.

Dr Mahathir berkata setakat ini pelaksanaan projek itu yang membabitkan bahagian di Terengganu belum diputuskan sama ada mahu diteruskan atau dimansuhkan.

"Terengganu ada pendapatan daripada hasil petroleum dan jika ia dapat membayar tol untuk rakyatnya, kita bersedia menerimanya atau biar dia (kerajaan negeri Terengganu) membiayai seluruh perbelanjaan jalan itu (bahagian Terengganu)."

Ditanya mengenai hasrat kerajaan negeri Terengganu untuk memohon tambahan royalti petroleum daripada lima peratus kepada 20 peratus setahun, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu asas sebenar permintaan itu."

Katanya, kerajaan negeri perlu memahami bahawa kawasan petroleum itu terletak di perairan antarabangsa berdekatan pantai Malaysia.

"Jadi kalau dikirakan ia (petroleum) bukan milik Terengganu tetapi

kerajaan persekutuan mengambil kira pemberian royalti itu sebagai keistimewaan untuk Terengganu," katanya.

Di negara lain, daerah yang dekat laut tidak mendapat sebarang royalti dan semua pendapatan daripada hasil petroleum dipunyai kerajaan pusat, katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir kerajaan negeri Terengganu boleh membuat permohonan pertambahan royalti petroleum itu dan terpulang kepada kerajaan pusat untuk mempertimbangkannya.

-- BERNAMA

ARA RI